

## KENYATAAN AKHBAR

### TH KOMITED SELESAI ISU VISA BAKAL JEMAAH HAJI

1. Adalah tidak dinafikan bahawa ketika ini terdapat sebilangan bakal jemaah haji yang tidak dapat berlepas ke Tanah Suci disebabkan oleh cabaran pengeluaran visa.
2. **TH** amat prihatin tentang kebajikan jemaah haji yang menghadapi cabaran ini dan sedang giat berusaha dengan bantuan dan kerjasama erat Kedutaan Arab Saudi Kuala Lumpur untuk menyelesaikan cabaran ini dengan secepat mungkin.
3. Sedikit perkongsian mengenai proses permohonan data bakal Jemaah perlu **melalui tiga (3) saluran kelulusan utama secara berperingkat dan dilaksanakan** satu per satu melibatkan dua kementerian dan satu agensi Arab Saudi di Tanah Suci.
4. Malah, perbincangan telah diadakan di antara **TH** dan Kedutaan Arab Saudi sebentar tadi berkaitan cara-cara terbaik untuk menyelesaikan cabaran ini. Wakil Kedutaan telah memaklumkan usaha usaha yang telah diambil oleh pihak Kedutaan seperti penambahan kakitangan untuk mempertingkatkan proses proses berkaitan visa.
5. Jumlah jemaah yang menghadapi cabaran visa sehingga kini hanya sebanyak **51 orang** sahaja. Namun begitu, jumlah

jemaah haji serta keluarga yang tidak berlepas adalah sebanyak **417** orang.

6. Alhamdulillah, sehingga kini sebanyak **461** jemaah BH/BV dan ahli keluarga yang terlibat telah berjaya diselesaikan dan berlepas ke Tanah Suci.
7. Untuk memastikan kebajikan para jemaah BH/BV diutamakan, **TH** menyediakan penginapan serta makan dan minum di Kompleks **TH**, Kelana Jaya dan hotel-hotel berdekatan bagi yang memerlukan, di mana kos berkenaan ditanggung sepenuhnya oleh pihak **TH**.
8. Satu **Bilik Maklumat BH/BV** bagi menyalurkan informasi terkini kepada para jemaah yang terlibat telah disediakan di bilik **Seri Setia, Tingkat 1, Kompleks Haji (bersebelahan Kafeteria TH)** yang beroperasi 24 jam. **Talian khas: 03 – 7873 6297 atau 013-8068099**
9. Untuk makluman, bagi musim ini, **TH** menyediakan **110** penerbangan catar haji.
10. Daripada jumlah ini, sebanyak **47 telah berlepas**. Bakinya sebanyak **63 penerbangan**. **Penerbangan terakhir** dijadualkan pada **26 Ogos 2017**.

	PENERBANGAN		JUMLAH
	MAS	FLYNAS	
<b>Jumlah</b>	<b>74</b>	<b>36</b>	<b>110</b>
Berlepas	28	19	47
Baki	46	17	63

11. **TH** juga telah **meningkatkan kapasiti pesawat** (daripada muatan 278 (Boeing 777) kepada (Airbus 330) 420) untuk

mbolehkan jemaah BHBV berserta keluarga berlepas ke Tanah Suci, secara berperingkat.

12. Sehubungan itu, **TH** yakin dapat menerbangkan semua jemaah haji terpilih bagi musim ini menjelang/sebelum berakhirnya tempoh penerbangan.
13. Sehingga kini, jumlah Jemaah Haji yang telah berada di Tanah Suci adalah **16,974 orang** ( pada 4/8/2017 @8.00 pagi)
14. Pihak **TH** yakin perkara ini akan dapat diselesaikan secara berperingkat.
15. **TH** juga memohon agar kesemua pihak terus memberi keyakinan kepada kami untuk menyelesaikan cabaran ini. Untuk rekod, selama 54 tahun beroperasi **TH** belum pernah gagal dalam memastikan semua jemaah haji yang terpilih pada tahun semasa dapat berlepas ke Tanah Suci dan menunaikan ibadat haji mereka.
16. **TH** ingin menasihati agar jemaah haji yang sedang menghadapi cabaran kelewatan visa untuk bersabar memandangkan proses mendapatkan visa haji sedang giat dijalankan. Kami optimis cabaran ini dapat diselesaikan dalam masa yang terdekat dan kesemua para jemaah terpilih akan dapat meneruskan perjalanan dan urusan mereka akan dipermudahkan, Insyallah.
17. **TH** juga memohon kerjasama semua pihak untuk tidak menyampaikan sebarang maklumat yang tidak sahih/tepat bagi mengelakkan kekeliruan di kalangan bakal jemaah haji BH/BV. Diharapkan semua pihak prihatin dengan memberi

sokongan sewajarnya dan kata-kata semangat kepada kesemua jemaah yang terlibat.

18. **TH** mendoakan semoga semua jemaah haji dapat menunaikan haji dengan tenang dan memperoleh haji yang mabrur.

**-Tamat-**

---

### **Lembaga Tabung Haji**

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji, 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam operasi pengurusan Haji, tabungan dan pelaburan. Antara sektor pelaburan terasnya adalah perladangan, hartanah, pembinaan, perbankan, teknologi maklumat, minyak & gas asli, pelancongan, perkhidmatan dan makanan halal. **TH** mempunyai 125 buah cawangan di seluruh negara dan satu cawangan di Jeddah, Arab Saudi. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati [www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my) atau hubungi Tabung Haji Contact Centre ditalian 03-6207 1919.